

22/04/2003

Exco Pas dapat elaun RM42,408

Lokman Zainal Abidin

KUALA TERENGGANU: Dewan Undangan Negeri Terengganu semalam diberitahu, seorang ahli Exco Kerajaan Pas Terengganu memperoleh pendapatan RM42,408 setahun termasuk imbuhan sebagai pengerusi sebuah anak syarikat kerajaan negeri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kemasik, Datuk Abu Bakar Ali, ketika mendedahkan perkara itu berkata, Exco berkenaan menerima imbuhan elaun pengerusi anak syarikat terbabit sebanyak RM25,000 di samping pelbagai elaun lain.

Selain itu, katanya, seorang ahli Parlimen di negeri ini dan seorang pegawai kanan kerajaan negeri yang menduduki kerusi lembaga pengarah anak syarikat itu, masing-masing memperoleh pendapatan RM33,056 setahun.

Berucap membahaskan titah ucapan Sultan pada sidang Dewan Undangan Negeri di sini, beliau berkata semua mereka rata-rata memperoleh lebih RM3,000 sebulan dan jumlah itu adalah tinggi bagi sebuah kerajaan yang sebelum ini memaklumkan kepada rakyat bahawa ia bekerja secara percuma.

"Walaupun sebelum ini Kerajaan Pas Terengganu mengumumkan setiap pengerusi anak syarikat kerajaan negeri tidak akan menerima sebarang elaun, perkara yang berlaku adalah sebaliknya.

"Dulu kata tak terima, tetapi yang nyata kini ialah RM42,000 setahun dibayar kepada pengerusi anak syarikat berkenaan," katanya.

Abu Bakar berkata, sepanjang pemerintahan Pas di Terengganu selama tiga tahun lima bulan, ia bukan saja gagal mentadbir dan membangunkan negeri ini, malah tidak mempunyai perancangan yang baik, sama ada untuk jangka panjang atau pendek.

"Bila timbul satu-satu perkara atau isu, baru buat keputusan. Ini boleh mengelirukan rakyat," katanya.

Beliau turut mempersoalkan tindakan kerajaan negeri melantik wakil rakyat sebagai amil korporat dan permohonan wang zakat oleh wakil rakyat untuk perbelanjaan kerajaan.

Abu Bakar juga berkata, tindakan kerajaan negeri yang masih membenarkan pajak gadai konvensional beroperasi di negeri ini menunjukkan mereka lebih mementingkan keuntungan daripada matlamat untuk membangun bersama Islam.

"Jika kerajaan negeri benar-benar ingin menjadi sebuah negeri Islam yang bebas daripada riba, mereka boleh menggunakan enam lesen pajak gadai yang diberi Kerajaan Pusat untuk membuka pajak gadai muassasah di semua daerah negeri ini.

"Ini tidak, lesen yang diberi itu ditender kerana kerajaan negeri pandang duit.

"Sepatutnya kerajaan negeri gunakan kesempatan itu untuk membuka muassasah Islam," katanya.

Beliau turut memetik wawancara dengan Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam Berita Minggu kelmarin di mana Hadi mengakui bersetuju dengan beberapa tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika sudah demikian, apa salahnya kita sebagai orang Melayu duduk semeja dan berbincang untuk kebaikan. Saya menyeru kepada semua bersatu tanpa mengira parti," kata Abu Bakar.

Sementara itu, Adun Ajil, Rosol Wahid berkata, pemberian lebih 45 kawasan balak di sekitar Hulu Terengganu tidak dibuat secara tender dan kebanyakannya diperolehi oleh pengerusi Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR).

Beliau berkata, perbuatan itu bercanggah dengan janji Pas dalam manifesto pilihan raya umum 1999 yang menyatakan semua konsesi balak akan

diberikan secara tender terbuka.

"Dalam manifesto itu, Pas berjanji untuk mengadakan tender terbuka untuk kawasan balak tetapi lain pula jadinya.

"Sungguh malang sekali apabila 45 kawasan berkenaan diserahkan tanpa tender kepada pengerusi JSR.

"Mereka juga berjanji memulihara flora dan fauna di kawasan Hulu Terengganu. Bagaimanapun, saya menerima aduan penduduk berhampiran kawasan pembalakan itu mengenai pencemaran punca air ke kawasan mereka," katanya.

Rosol berkata, beliau juga menerima aduan dari seorang penduduk Hulu Dungun bahawa ada pihak tertentu menjual kira-kira 200 hektar tanah balak miliknya dan dijanjikan keuntungan separuh daripada hasil jualan berkenaan.

"Mangsa dikatakan akan menerima RM600,000 hasil jualan tanah itu tetapi hanya diberi RM160,000. Dalam proses pembayaran kedua, wang yang sepatutnya dimasukkan dalam akaun bersama antara mangsa dan individu itu hilang begitu saja.

"Mangsa ditipu kerana dia tidak memiliki pelajaran tinggi tetapi perbuatan seumpama itu adalah tidak wajar dilakukan sama sekali," katanya.

Beliau juga memberitahu Dewan, seorang ahli Exco Pas menerima RM1 juta daripada seorang pengusaha kilang papan berhubung kawasan pembalakan berkenaan.

Pendedahan Rosol itu menyebabkan Abdul Aziz Abas (Pas-Kampung Raja) mencelah dan meminta Adun Ajil itu mengemukakan bukti. Rosol sebaliknya meminta Jawatankuasa Hisbah menyiasat perkara itu.